

# TSG intai lebih banyak perlumbaan di luar negara

PASUKAN benua negara, Terengganu Cycling Team (TSG) mengalihkan tumpuan pada perlumbaan di luar negara selepas berjaya mempamerkan aksi cemerlang pada LTdL 2011 yang berakhir di Dataran Merdeka semalam.

Pada penampilan pertama dalam perlumbaan berstatus Hors tahun ini, TSG melakar kejutan apabila menamatkan saingan di tempat kelapan dalam kedudukan pasukan keseluruhan.

Manakala dalam saingan di peringkat Asia, mereka menduduki tempat kelima, di depan sebuah lagi pasukan benua negara, LeTua Cycling Team (L2A) dan pasukan kebangsaan Malaysia.

Jurulatih pasukan, Syed Husaini Syed Mazlan berkata, tumpuan pasukan itu selepas ini adalah untuk menyertai lebih banyak perlumbaan di luar negara.

"Selepas ini, kami akan menyertai lebih banyak kejohanan di luar negara terutamanya Jela-

Asia. Sebagai permulaan, kami akan berlepas ke Mumbai untuk menyertai Jelajah India pada 11 dan 12 Februari ini.

"Setakat ini, kami masih dalam perbincangan untuk berlatih dan menyertai beberapa perlumbaan berstatus 2.2 di Eropah," kata Syed Husaini.

Ketika diminta mengulas mengenai pencapaian pada LTdL 2011, bekas pelumba Terengganu itu berkata, beliau berpuas hati dengan keputusan yang dicatat

para pelumba muda pasukan tersebut.

Katanya, meskipun baru dibentuk dan dibarisi para pelumba muda, mereka berjaya merealisasikan impian untuk menamatkan saingan dalam kelompok 12 terbaik kedudukan pasukan keseluruhan dan kelima (Terbaik Asia).

"Saya berpuas hati. Meskipun dibarisi pelumba muda, pencapaian kami sungguh membanggakan. Para pelumba muda ini juga mem-

punyai potensi yang besar untuk pergi lebih jauh."

Pada penampilan kali ini, Mohd. Saufi Mat Senan menduduki tempat ke-31 dalam senarai individu keseluruhan (Jersi Kuning), diikuti Mohd. Shahrul Mat Amin (37), Anuar Manan (70), dan Mohd. Harrif Salleh (92).

Manakala dua pelumba asing TSG, Puchong Sai-Udomsin dari Thailand dan pelumba Jepun, Shinichi Fukushima masing-masing di tempat ke-39 dan 82.